

## Tragedi Pencerobohan Lahad Datu Di Kampung Tanduo, Sabah

Nur Elaneez Erdeena binti Mohd Hanizam  
Rika Arkasya Anak Ragis  
Nurussobah Hussin  
Ahmad Nazri Mansor

**Fakulti Pengurusan Maklumat,  
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**  
Jalan Pulau Indah AU10/A Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

### *Abstrak*

*Artikel ini adalah berdasarkan kepada sumber utama iaitu dokumentasi lisan. Ianya melibatkan seorang tentera darat iaitu Encik Suhaire bin Shariff. Artikel ini membicarakan tentang pengenalan serta sejarah awal daerah Lahad Datu yang merupakan bandar keempat terbesar di Sabah selepas Kota Kinabalu serta sejarah awal berlakunya krisis pencerobohan Lahad Datu. Di samping itu, artikel ini juga mendedahkan tentang penglibatan Encik Suhaire yang berada di dalam pasukan menentang pengganas Sulu ketika berlakunya insiden pencerobohan Lahad Datu pada tahun 2013 serta cabaran yang terpaksa dilalui olehnya sepanjang berada di dalam pentempuran itu. Seterusnya, artikel ini mendedahkan tentang misi dan strategi yang digunakan oleh Encik Suhaire di dalam memimpin anggota tentera ketika Ops Daulat dijalankan. Diharap artikel ini dapat membantu penyelidik dalam mencari maklumat berkenaan isu pencerobohan Lahad Datu. Seterusnya, juga dapat memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia untuk sentiasa bersyukur kerana dapat hidup di dalam negara yang aman dan damai.*

*Kata Kunci: Tentera, Lahad Datu, Pengganas, Ops Daulat, Kampung Tanduo.*

### **Pengenalan**

Tragedi pencerobohan Lahad Datu adalah konflik tentera yang bermula pada 9 Februari 2013 dan berakhir sepenuhnya pada 24 Mac 2013. Seramai 235 militan, beberapa orang daripadanya bersenjata, tiba di perairan di daerah

Lahad Datu, Sabah, Malaysia dari pulau Simunul, Tawi-Tawi, di selatan Filipina pada 11 Februari 2013. Kumpulan itu menyebut diri mereka sebagai "Pasukan Keselamatan Kerajaan Kesultanan Sulu dan Borneo Utara", yang telah dikirim oleh Jamalul Kiram III, yang mendakwa dirinya sebagai waris Sultan Sulu. Jamalul Kiram III menyatakan bahawa tujuan mereka adalah ingin menuntut wilayah timur Sabah (bekas Borneo Utara).

Pasukan keselamatan Malaysia telah mengepung kampung Tanduo di Lahad Datu, di mana kumpulan itu berkumpul. Selepas beberapa minggu rundingan untuk menarik diri, terutamanya selepas pembunuhan anggota polis Malaysia, pasukan keselamatan Malaysia mula melancarkan operasi utama untuk memadamkan militan Sulu. Akibat daripada tindakan penceroboh itu, kira-kira 56 orang militan terbunuh bersama 6 orang awam dan 10 pasukan keselamatan Malaysia. Anggota-anggota militan tersebut telah ditangkap atau melarikan diri ke Filipina.

Filipina mengekalkan tuntutan wilayah ke timur Sabah, yang dahulunya dikenali sebagai Borneo Utara, melalui warisan Kesultanan Sulu. Selaras dengan keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa dalam kes mengenai kedaulatan Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan pada tahun 2002, Malaysia menegaskan bahawa Sultan Sulu telah melepaskan hak kedaulatan semua miliknya kepada Sepanyol pada 22 Julai 1878. Maka Sultan Sulu kehilangan hak dan kuasa untuk menuntut Sabah. (Utusan Online, 2016)

Adalah diakui bahawa permintaan untuk pembayaran kepada Sultan Kesultanan Sulu telah dihidupkan kembali oleh kerajaan Filipina semasa pertemuan Maphilindo pada tahun 1963. Kerajaan Filipina pada masa itu berkata mereka tidak mempunyai masalah dengan pembentukan Malaysia tetapi berkata Sultan Sulu meminta pembayaran RM5,000 daripada kerajaan Malaysia. Perdana Menteri Malaysia yang pertama pada masa itu, Tunku Abdul Rahman berkata beliau akan kembali ke Kuala Lumpur dan memenuhi permintaan itu. Sejak itu, kedutaan Malaysia di Filipina mengeluarkan cek sejumlah RM5,300 (AS \$ 1,710 atau kira-kira 77,000 peso Filipina) kepada penasihat undang-undang ahli waris Sultan Sulu setiap tahun mengikut syarat-syarat tersebut. Malaysia menganggap jumlah pembayaran tahunan untuk negeri yang dipertikaikan, sementara keturunan sultan menganggapnya sebagai bayaran "sewa".

## Sejarah Daerah Lahad Datu

Lahad Datu adalah ibu negeri atau daerah yang terletak di Bahagian Tawau sebelah Timur Sabah. Penduduknya dianggarkan sekitar 27,887 dan kota ini dikelilingi oleh perladangan koko dan kelapa sawit. Lahad Datu juga pernah dikenali sebagai ibu negeri yang terbesar di Sabah, selain Kota Kinabalu. Ia juga merupakan pelabuhan pengeksporth kayu yang penting. Bandar ini juga mempunyai lapangan terbang untuk penerbangan domestik.

Pada awalnya, daerah Lahad Datu merupakan tempat persinggahan keturunan bangsawan dari Kesultanan Sulu dan juga mempunyai nilai sejarahnya tersendiri seperti daerah lain di Sabah. Maksud nama daerah Lahad Datu ini dipetik daripada perkataan suku Bajau-Sinama. Lahad membawa erti sesuatu tempat atau negeri. Manakala, Datu pula bermaksud keturunan bangsawan atau ketua-ketua suku kaum atau Panglima dan Pembesar daerah yang sudah lama menetap di daerah khusus. Kini, jika menyebut tentang Lahad Datu, acap kali ia sering dikaitkan dengan insiden ataupun peristiwa berdarah pencerobohan Lahad Datu pada 9 Februari 2013.

### Tragedi pencerobohan di Lahad Datu

Pada tanggal 9 Februari 2013 bermulalah kejadian hitam bukan sahaja bagi penduduk Sabah tetapi seluruh Malaysia di mana perairan Sabah telah senangnya ditembusi oleh penceroboh yang datang daripada Filipina yang dipercayai merupakan waris keturunan 'Raja Sulu' dan pengikut extreme 'Kerajaan Kesultanan Sulu'.

Tujuan mereka adalah untuk menuntut hak terhadap Sabah di mana mereka percaya bahawa Sabah merupakan milik mereka. Mereka mempunyai tiga sebab mengapa Sabah adalah sebenarnya milik Filipina. Pertama, kerajaan Filipina yang wujud sekarang, dahulunya adalah merupakan kedaulatan Sulu. Peralihan kerajaan ini disebabkan kewujudan Kesultanan Sulu sudah tidak lagi diiktiraf oleh Filipina. Kedua, Filipina juga percaya bahawa Kesultanan Sulu cuma memajak Sabah dan bukan menyerah Sabah. Namun Malaysia menegaskan bahawa Kesultanan Sulu telah menjual Sabah kepada Malaysia apabila Kesultanan Sulu menyerahkan hak kedaulatan Sulu kepada *Overback dan Dent*. Ketiga, Filipina beranggapan wilayah Sultan Sulu di Sabah tidak termasuk di dalam protokol 1885. Namun, persoalan tentang isu tersebut

sukar diselesaikan di mana teks asal Perjanjian 1878 tidak ditemui lagi (Dr. Nordi Achie. 2013).

Oleh itu, tiga punca ini menyebabkan lebih kurang 180 orang penceroboh daripada Filipina telah tekad untuk datang ke Sabah pada Februari 2013 sebagai tanda menuntut bela hak Kesultanan Sulu mereka terhadap Sabah. Akibat tindakan mereka, keselamatan negara dan masyarakat Malaysia terancam terutamanya masyarakat yang tidak bersalah terkena tempas atas tindakan mereka untuk menuntut hak terhadap Sabah. Seramai 8,000 anggota keselamatan telah dihantar ke Lahad Datu dalam misi menjaga kedaulatan negara iaitu Ops Daulat. Melalui operasi ini juga telah berjaya menahan hampir 600 orang dan terdapat 31 orang yang telah dibicarakan. (Dr. Nordi Achie. 2013)



**Rajah 1: Kawasan yang berwarna merupakan kawasan yang telah berjaya dimasuki oleh penceroboh.**

#### **Pengalaman Encik Suhaire Bin Shariff ketika bertugas di Lahad Datu.**

En Suhaire b Sharif adalah seorang tentera darat yang terlibat di dalam menentang penganas Sulu ketika berlakunya insiden pencerobohan Lahad Datu pada tahun 2013. Beliau menceritakan bahawa kejadian di pencerobohan Lahad Datu itu bermula apabila pasukan polis dapat mengesan satu kumpulan yang bersenjata dan memakai pakaian beruniform lain-lain negara berada di kawasan Lahad Datu. Oleh itu, pasukan polis telah mengatur gerak untuk memeriksa.

Beliau telah diarahkan oleh pihak atasan untuk bersiap sedia untuk bertugas. Beliau dihantar bertugas di sana dari mula sehingga tamatnya waktu pengusiran penceroboh Orang Sulu dan sehingga pihak musuh benar-benar berjaya ditumpaskan. Beliau mengatakan bahawa pasukan tentera telah beroperasi selama tiga bulan untuk berkhidmat kepada negara. Beliau dengan pasukan telah dihantar ke Lahad Datu dengan menaiki pesawat TUDM, Pesawat Charlie. Dianggarkan dalam tujuh hingga lapan ribu anggota telah diarah untuk bersiap sedia ke sana. Mereka telah bersiap sedia dengan membawa bermacam-macam alatan senjata berpandukan jawatan yang telah disandang oleh seseorang anggota tersebut.

*“Peralatan kami siap sedia untuk bertempur itu macam-macam berpandukan jawatan yang disandang oleh seseorang anggota tersebut. Bagi saya, kami dibekalkan senjata dan peluru sebanyak 2000 butir seorang siap lengkap dengan peralatan tempur dan senjata sisi serta senjata-senjata di bahu”*

(Encik Suhaire Bin Shariff, 2019)

Sepanjang mereka ditugaskan di sana, mereka hanya menggunakan baju tentera yang lengkap dengan peralatan tentera setiap hari. Menurut pengalaman beliau, sesampainya mereka di tempat kejadian, beliau telah diarahkan untuk meronda di sekitar kawasan kampung untuk mengesan kumpulan penceroboh. Pada waktu itu, seluruh orang kampung yang berada di kawasan yang berdekatan telah dipindahkan oleh pihak berkuasa. Maka, setiap gerakan yang berada di dalam kampung itu adalah pergerakan penceroboh. Jadi, pihak tentera tidak teragak-agak untuk menembak mati atau menangkap penceroboh tersebut. Mana-mana anggota dan penduduk awam yang berkeras tidak mahu meninggalkan kawasan kediaman juga turut menerima akibatnya samada tertembak atau ditembak di dalam kejadian itu. Ketika beliau ditugaskan di sana, beliau sering sahaja berasa detik-detik cemas apabila menjalankan operasi.

*“Tiap-tiap anggota mesti berasa takut dan gementar tidak kira pada waktu malam ataupun siang kerana ini adalah melibatkan nyawa.*

(Encik Suhaire Bin Shariff, 2019)

Mereka mengesan saki-baki penceroboh dengan melakukan rondaan di sekitar kawasan Lahad Datu tidak mengira sebelah siang atau malam. Sekiranya mereka ternampak musuh, mereka terus bertempur. Terdapat

pelbagai cara mereka membuat rondaan seperti berjalan kaki, menaiki kenderaan berperisai dan ada yang menggunakan kenderaan udara. Musuh sentiasa berada di merata-rata kawasan sekitar seperti berada di dalam hutan, di pinggir hutan dan ada yang berada di kampung. Sepanjang mereka bertugas di sana, arahan hanya diberi oleh Perdana Menteri sahaja dan pihak tentera datang untuk menyokong pihak polis dan menjadi kumpulan sokongan. Arahan yang mereka terima adalah mencari dan memusnahkan musuh.

Seterusnya, semasa beliau ditugaskan ke sana, beliau dapat merasa pengalaman di mana seorang anggota tentera yang berada berdekatan beliau telah ditembak di sebelah mata kirinya ketika di dalam pertempuran. Perasaan beliau pada ketika itu takut bercampur gerun memandangkan kejadian itu berlaku di depan mata beliau dan tentera tersebut telah meninggal dunia di tempat kejadian. Kejadian tersebut telah berlaku pada waktu petang.

Selain itu, kawasan hitam seperti kawasan di sekitar Kampung Tandao dan Kampung Sahabat yang pernah diduduki oleh musuh iaitu penceroboh Orang Sulu sebagai markas telah dimusnahkan sepenuhnya oleh pasukan keselamatan dan menjadi padang jarak padang terkukur.

### **Kronologi Pencerobohan di Lahad Datu 2013**

Berikut merupakan peristiwa dan kronologi yang berlaku di pencerobohan Lahad Datu dengan lebih terperinci:

#### **9 Februari :**

Sekumpulan penceroboh telah berjaya masuk ke dalam perairan Sabah dengan menaiki bot pancung dan berkumpul di Felda Sahabat 17, Kampung Tandao, Lahad Datu.

#### **11 Februari :**

Laporan polis telah dibuat oleh nelayan tempatan apabila beliau telah mengesan kehadiran kumpulan yang agak mencurigakan di kawasan kampung tersebut. Terdapat lebih kurang 100 orang lelaki yang berpakaian seperti tentera dan mempunyai senjata api.

#### **12 Februari :**

Kumpulan penceroboh yang telah berjaya memasuki di kawasan Kampung Tandou tersebut telah pun berpecah di beberapa kawasan seperti di kawasan sungai bakau, sebuah surau dan juga di rumah orang kampung.

**14 Februari :**

Kumpulan penceroboh tersebut telah dikenalpasti oleh pihak polis. Kumpulan penceroboh tersebut disahkan sebagai pewaris keturunan 'Raja Sulu'.

**16 Februari :**

Menteri Dalam Negeri telah mengesahkan bahawa kumpulan tersebut merupakan penyokong kuat ' Kesultanan Sulu'. Kumpulan ini ingin menuntut Sabah dikembalikan ke wilayah Kesultanan Sulu.

**18 Februari :**

Kerajaan Malaysia dan kerajaan Filipina bekerjasama dalam menyelesaikan isu pencerobohan Lahad Datu.

**24 Februari :**

Kerajaan Filipina telah menghantar sebuah kapal untuk membawa pulang semula 180 orang penceroboh tersebut.

**26 Februari :**

Tempoh menghalau penceroboh telah pun tamat tetapi rundingan antara dua belah negara masih dijalankan.

**28 Februari :**

Agbimuddin Kiram, merupakan adik kepada Jamalul Kiram III yang berada di Manila mandesak kerajaan Malaysia untuk membuat rundingan dengan abangnya, Jamalul Kiram III mengenai 180 orang 'tentera diraja' untuk meninggalkan Felda Sahabat 17. Agbimuddin Kiram menegaskan bahawa cuma abang dia berkuasa memberi arahan kepada mereka.

**1 Mac :**

Pertempuran darah telah berlaku antara pasukan keselamatan dan penceroboh. Dua orang daripada anggota polis telah terkorban, tiga lagi tercedera. Manakala, 12 orang penceroboh telah terbunuh.

**2 Mac :**

Pertempuran telah berlaku di Kampung Sri Jaya, Siminul, Semporna. Seramai enam orang polis telah terkorban dan 12 orang penceroboh telah juga terbunuh.

**4 Mac :**

Presiden Benigno Aquino III berjanji menyelesaikan pencerobohan yang telah berlaku di Sabah dengan cara aman.

**5 Mac :**

Pada jam 7 pagi, Operasi 'Ops Daulat' telah diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia dalam menjaga maruah dan kedaulatan negara. Oleh itu, pasukan keselamatan telah masuk ke Kampung Tandou dan melancarkan serangan.

**6 Mac :**

Melalui operasi tersebut, 13 mayat penceroboh telah dijumpai di Kampung Tanduo. Terdapat juga mayat yang telah ditanam dalam kubur. Empat lelaki juga telah ditahan kerana disyaki mempunyai kaitan dengan kes pencerobohan di Kampung Sri Jaya Siminul, Semporna.

**7 Mac :**

Perdana Menteri telah menolak gencatan senjata yang telah diumumkan oleh Jamalul Kiram III dan penceroboh mestilah meletakkan senjata tanpa syarat. Perdana Menteri juga mengumumkan bahawa ada pembentukan sebuah kawasan keselamatan meliputi wilayah pantai timur Sabah dari Kudat ke Tawau. Seramai 52 orang penceroboh telah terbunuh.

**8 Mac :**

Terdapat lebih 50 orang telah ditahan mengikut Akta Kesalahan Keselamatan 2012.

**9 Mac :**

Pada jam 8 pagi, seorang penceroboh telah ditembak mati dan seramai 27 suspek telah ditahan oleh pasukan keselamatan. Tawaran Jamalul Kiram III untuk membuat perbincangan telah ditolak dan seramai 53 orang penceroboh ditembak mati dan 79 suspek berjaya ditangkap.



**10 Mac :**

Enam orang telah ditahan dalam dua kejadian yang berasingan di Semporna. Manakala, di Tanjung Batu pula terdapat dua orang anggota polis tercedera.

**11 Mac :**

Seramai 54 orang penceroboh telah terbunuh dan 97 orang telah ditahan melalui gerakan operasi 'mopping-out' di kawasan Kampung Tanjung Batu dan Sungai Bilis.

**12 Mac :**

Seorang tentera Malaysia telah terbunuh dan tiga penceroboh telah terkorban akibat ditembak mati.

**13 Mac :**

Pesuruhjaya Polis Sabah percaya bahawa ketua kumpulan penceroboh, Agbimuddin Kiram masih lagi berada di kawasan operasi yang telah dikepung. Dua mayat telah dijumpai merupakan mayat penceroboh. Angkatan Tentera Malaysia (ATM) membawa masuk helikopter dari Pasukan Udara Tentera Darat dan 12 kereta perisai.

**14 Mac :**

Seorang lelaki telah berjaya ditahan apabila didapati mempunyai dua bilah pedang samurai serta tiga parang panjang dan 35 orang pengikut waris Jamalul Kiram III telah ditahan di Filipina.

**15 Mac :**

Azzimudie Kiram merupakan ketua kumpulan penceroboh dipercayai telah melarikan diri ke Selatan Filipina dan dipercayai merupakan tempat asalnya. Seterusnya, tiga kubur juga telah berjaya dijumpai di Kampung Tanduo oleh anggota keselamatan yang dalamnya mempunyai 15 mayat dan 61 orang penceroboh telah ditembak mati.

**16 Mac :**

Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) ditubuhkan segera dalam menjamin keselamatan dan kedaulatan negara. Anggota keselamatan juga berjaya menahan seorang lelaki yang dipercayai salah seorang penceroboh di kawasan Felda Sahabat 17.

**17 Mac :**

Terdapat anggota keselamatan yang telah berjaya ditembak mati dan seramai 104 orang telah ditahan dibawah Akta Kesalahan Keselematan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA). Seterusnya, terdapat 241 orang juga telah berjaya ditahan.

**18 Mac :**

Pasukan keselamatan bertempur dengan penceroboh yang masih tertinggal di Kampung Tanjung Batu, Felda Sahabat 22. Sebanyak 17 kenderaan perisai jenis '*armoured personnel carrier*' (APC) Adnan telah tiba di Lahad Datu serta 17 trak tentera yang dipenuhi oleh anggota tentera. Jumlah sebanyak 104 musuh telah berjaya ditangkap dan 62 orang ditembak mati. Melalui operasi 'Ops Daulat' ini telah mengorbankan sembilan orang anggota keselamatan negara dan sembilan lagi tercedera.

**20 Mac :**

Seorang anggota ATM telah tercedera dan satu mayat dijumpai.

**21 Mac :**

Lapan orang warga Filipina terpaksa berhadapan dengan hukuman mati serta penjara seumur hidup kerana bertindak ingin mengancam keselamatan Yang di-Pertuan Agong dan menjadi antara ahli penceroboh.

**22 Mac :**

Sebanyak 63 orang jumlah penceroboh yang dapat ditewaskan dan 10 orang anggota keselamatan telah terbunuh.

(*Sumber: Astro Awani, 9 Mac 2013. "Kronologi pencerobohan pantai timur Sabah".*)

**Kesimpulan**

Peristiwa yang berlaku di Sabah ini telah memberi impak besar kepada negara di mana keselamatan negara dengan senangnya telah ditembusi oleh penceroboh dari luar negara. Tragedi ini telah membuka mata semua bukan sahaja kerajaan tetapi masyarakat Malaysia sendiri betapa pentingnya keselamatan negara dalam menjamin kesejahteraan rakyat. Banyak pengajaran yang masyarakat boleh perolehi melalui tragedi tersebut. Oleh itu, negara perlu menitik beratkan isu keselamatan negara. Walaupun negara kita

berjiran dengan negara yang bukan bergolak namun negara kita masih berjiran dengan negara yang masih ingin menutup tanah yang pernah menjadi milik mereka. Kerajaan perlu mengadakan hubungan yang baik dengan negara lain supaya keselamatan negara tidak terancam seperti memberi kerjasama yang baik dan membantu mereka apabila mengalami masalah. Ini dapat mengelakkan daripada berlakunya salah faham antara dua negara.

### **Bibliografi**

- Astro Awani. (2013, Mac 9). Kronologi pencerobohan pantai timur Sabah. Diakses pada 14 Mei 2019 di <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kronologi-pencerobohan-pantai-timur-sabah-9460>
- MStar Online. (2013, Mac 12). Lahad Datu: Dua Lagi Anggota Keselamatan Terbunuh". mSTAR Online. Diakses pada 10 Mei 2019 di <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2013/03/12/lahad-datu-seorang-nggota-tentera-maut-kemalangan>
- Nordi Achie. (2013). tragedi 923-Pencerobohan Berdarah Tentera Sulu di Lahad Datu. Diakses pada 14 Mei 2019 di <http://eprints.ums.edu.my/14559/1/ub0000001238.pdf>
- Suhaire bin Shariff. (2 Mei 2019). temubual personal.
- Utusan Online. (2016, Okt 27). Pengajaran di sebalik kes Lahad Datu. Utusan online. Diakses pada 12 Mei 2019 di <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/pengajaran-di-sebalik-kes-lahad-datu->
- Wikipedia. (2017). Lahad Datu. Diakses pada 12 Mei 2019 di [https://ms.wikipedia.org/wiki/Lahad\\_Datu](https://ms.wikipedia.org/wiki/Lahad_Datu)
- Wikipedia. (2015). Krisis Pencerobohan Lahad Datu. Diakses pada 12 Mei 2019 di [https://ms.wikipedia.org/wiki/Krisis\\_pencerobohan\\_Lahad\\_Datu\\_2013](https://ms.wikipedia.org/wiki/Krisis_pencerobohan_Lahad_Datu_2013)